

# Makna Tersirat di Balik Perlambangan

**K**ESYAHDUAN lagu *Tiada Kata Secantik Bahasa* nukilan Jamil Sulong yang didendangkan oleh Seniman Agung Negara, Allayarham Tan Sri P. Ramlee, begitu terserlah walaupun hanya menggunakan kata-kata yang lazim tanpa huraian yang panjang lebar. “Tiada kata secantik bahasa, untuk kupuji adinda” menyerlahkan hasrat hati untuk memuji seorang kekasih dan hanya melalui bahasa yang cantik hasrat ini akan tercapai.

Ada juga pihak yang mempunyai tafsiran yang berbeza iaitu bahasa yang cukup indah itu seolah-olah tidak cukup untuk memuji orang yang dikasihi. Seni kata yang bermakna “susunan kata yang indah”, yang mengalir di dalam jiwa dua tokoh seni ini merupakan kesinambungan daripada leluhur kita yang hidup di alam Nusantara yang berbahasa Melayu, yang diharapkan akan terus mengalir hingga anak cucu.

Berkaitan dengan keindahan dan kepentingan bahasa, hal itu sudah diabadikan dalam puisi Melayu zaman-berzaman. Dapat dilihat bahawa masyarakat Melayu bukan sahaja mementingkan bahasa, malah menggandingkannya dengan budi. Antara pantun yang mencerminkan hal demikian seperti yang tertera dalam contoh berikut:

Yang merah itu saga,  
Yang kurik itu kundi;  
Yang Indah itu bahasa,  
Yang baik itu budi.

Ada kerusi ada meja,  
Itulah tempat membasuh kaki;  
Ada budi ada bahasa,  
Itulah tempat ditaruh hati.

Anak merak Kampung Cina,  
Singgah berhenti kepala titi;  
Emas perak kebesaran dunia,  
Budi bahasa tak dapat dicari.

Dirikan pondok bertanam nanas,  
Biar saya berburu rusa;  
Biar orang melonggok emas,  
Saya niaga budi bahasa.

Selain pantun, dalam peribahasa juga banyak menyentuh bahasa. Sasterawan Negara Profesor Emeritus Dr. Haji Muhammad Haji Salleh dalam buku, *Peribahasa Melayu: Permeri Akal Budi* telah menyusun peribahasa berdasarkan tema dan subtema. Peribahasa yang berkaitan dengan bahasa diletakkan di bawah tema budaya. Beliau menjelaskan bahawa “Bab ini membentangkan cara berfikir, kesenian, dan berhubung antara satu sama lainnya boleh dilihat pada rujukan kepada bahasa halus, bahasa kiasan, tulisan, ucapan perbincangan dan rundingan. Dalam jelmaan bahasa ini ada pula cakapan kosong, pujian, temberang dan bohong, lidah sebagai alat, dan fitnah”. Di sini dipetik contoh peribahasa yang terdapat di bawah tema “Budaya: Umum”:

- Kata orang bijaksana, kata orang mengalah
- Kata orang pandai, kata bermakna
- Kata orang tua, kata menyelesaikan
- Yang lahir menunjukkan batin

Selain itu, berkaitan dengan bahasa juga terakam dalam *Gurindam Dua Belas* hasil nukilan Raja Ali Haji seorang Sasterawan dan Pahlawan Nasional Indonesia yang banyak memberikan nasihat berkaitan dengan bahasa, lidah dan mulut. Di sini dipetik beberapa bahagian yang berkaitan:

Ini gurindam pasal yang ketiga:

...  
Apabila terpelihara lidah,  
niscaya dapat daripadanya paedah.

Ini gurindam pasal yang keempat:

...  
Mengumpat dan memuji hendaklah pikir,  
di situlah banyak orang yang tergelincir.

...  
Jika sedikit pun berbuat bohong,  
boleh diumpamakan mulutnya itu pekong.

...  
Barang siapa perkataan kotor,  
mulutnya itu umpama ketur2.

Ini gurindam pasal yang kelima:

...  
Jika hendak mengenai orang berbangsa,  
lihat kepada budi dan bahasa,

**Ini gurindam pasal yang ketujuh:**  
Apabila banyak berkata-kata,  
di situlah jalan masuk dusta.

...  
Apabila banyak mencela orang,  
itulah tanda dirinya kurang.

Sekilas pandang, berdasarkan beberapa contoh yang dikutip, sudah dapat disimpulkan betapa kayanya puisi Melayu sehingga mampu menjadi medium yang menggambarkan sikap, aktiviti kehidupan, serta falsafah kehidupan mereka. Puisi Melayu yang dicipta berdasarkan pengalaman hidup turut memancarkan nilai dan hati budi orang Melayu. Dengan kata lain, puisi merupakan wadah merakamkan kehidupan dan pemikiran bangsa Melayu. Inilah nilai estetika yang ada dalam jiwa masyarakat silam yang kreatif mengabadikan segalanya melalui lisan dan mampu bertahan melangkaui zaman.

Mengimbuai kembali sejarah, kita sedia maklum bahawa masyarakat Nusantara pada suatu ketika dahulu berhadapan dengan dunia yang terbentang luas tanpa berbekalkan sains dan teknologi yang moden. Mereka hidup dan berguru dengan gunung, hutan belantara, tasik, sungai hinggalah ke tepi pantai dan menyeberangi samudera. Mereka membaca dan menghayati fenomena alam untuk meneruskan kehidupan. Wajah alam akhirnya diabadikan secara kreatif dalam wacana puisi yang mempunyai fungsi untuk dijadikan pegangan ahli masyarakat dan seterusnya pesanan kepada anak cucu pada kemudian hari.

Masyarakat dahulu banyak yang terlibat dengan bidang pertanian dan memelihara binatang ternakan seperti ayam, itik, kambing dan lembu. Pengalaman ratusan tahun ini memberikan ilham kepada masyarakat untuk menyatukan unsur alam dengan kehidupan melalui puisi yang digubah. Melihat cara induk ayam memelihara anak sambil mengais-ngais mencari makanan dan seterusnya memanggil anak-anaknya. Kasih sayang yang digambarkan oleh induk ayam ini dan peristiwa apabila induk ayam

tidak ada bersama, menyebabkan anak ayam bertempiran tidak tentu arah. Pengalaman ini merupakan satu pengalaman yang biasa tetapi pemuisi mampu menyalurkan perasaan yang mempamerkan keadaan tidak ada daya upaya supaya tidak disampaikan secara terus terang tetapi diungkapkan secara halus. Hasilnya seperti pantun berikut:

Daun bayam alaskan senduduk,  
Nasi terjerang ceduk ke pinggan;  
Sepantun ayam tidak berinduk,  
Tampi orang baharu makan.

Perumpamaan “Bagai anak ayam kehilangan ibu” menggambarkan suasana yang sama. Mengharapkan bantuan kerana kesusahan akibat tidak mempunyai tempat bergantung lagi. Imej yang terakam di fikiran tentang anak ayam yang kehilangan induk menguatkan lagi nada yang memerlukan simpati dan empati yang ingin disampaikan oleh pemuisi.

Keindahan dan kreativiti turut terserlah apabila pemuisi mencerap aksi burung yang terbang menggunakan sayap dan hinggap menggunakan kakinya. Seperti anak ayam tanpa induk tentulah burung tanpa sayap dan kaki juga hilang segala daya upaya. Begitulah yang cuba digambarkan oleh pemantun untuk menggambarkan keadaan tidak berupaya untuk membuat sesuatu perkara atau bertindak seperti yang dikiaskan dalam pantun berikut:

Anak kumbang terayap-rayap,  
Mari ditangkap anak Turki;  
Hendak terbang tidak bersayap,  
Hendak hinggap tidak berkaki.

Puisi merupakan satu daripada warisan Melayu yang amat tinggi nilainya. Dalam pelbagai sarana puisi terserlah nilai luhur yang diwariskan secara turun-temurun. Setiap puisi mengandungi lambang yang mempunyai makna yang amat mendalam yang memerlukan ilmu untuk mentafsirkannya. Perkara ini dijelaskan dengan terperinci oleh Almarhum Tenas Effendy dalam

pelbagai karya yang dihasilkan oleh beliau. Dalam buku beliau yang berjudul *Ungkapan Tradisional Melayu* ditegaskan bahawa “pentafsiran sesebuah ungkapan secara sewenang-wenangnya akan menimbulkan kekeliruan yang amat fatal dan menyesatkan” (hlm. ix). Sebagai bukti penggunaan ungkapan “tudung periuk” yang terdapat dalam bait pantun berikut:

**Tudung periuk** pandai menari,  
Mainan anak putera mahkota;  
Kain yang buruk beri(kan) kami,  
Untuk menghapus (si) air mata.

Pantun tersebut menurut Tenas Effendy apabila ditafsirkan secara hurufiah, membayangkan suatu keadaan yang sedih, berputus asa atau patah hati kerana penderitaan. Oleh itu, penerima mesej akan teringat khususnya dalam konteks hari ini, bahawa kain buruk yang digunakan untuk mengelap kekotoran digunakan untuk menyapu air mata yang mengalir.

Salah tafsir ini berlaku kerana penerima mesej tidak terdedah dengan ilmu pengetahuan dari sudut lambang yang wujud dalam budaya Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana zaman sudah berbeza dan lambang yang digunakan tidak dapat dikaitkan dengan situasi semasa. Di samping itu, terdapat juga antara kita yang tidak mengambil berat tentang warisan budaya sendiri.

Berbalik pada ungkapan “tudung periuk”, apabila diteliti cara penggunaannya dalam konteks yang lain, barulah dapat kita memahami makna tersirat pantun ini dengan lebih baik seperti yang tertera dalam Jadual 1:

Setelah diteliti makna tersirat yang terkandung dalam perlambangan yang digunakan dalam ungkapan yang terdapat dalam pantun, baru dapat difahami bahawa pantun tersebut bukanlah sebuah pantun yang bernada melankoli, bahkan untuk menaikkan semangat generasi muda menjadi gagah berani.

Dalam konteks ini, “tudung periuk” membawa maksud seorang pemimpin keluarga atau yang

Perlambangan	Ungkapan	Makna
Periuk	Periuk nasi (contoh, Masing-masing menjaga periuk nasi sendiri).	Kehidupan berkeluarga, berkaum kerabat, rezeki.
	Pecah periuk nasi	Musnah rumah tangga, rosak keluarga, mengaibkan kaum kerabat.
	Tudung periuk	Pemimpin keluarga, ketua keluarga, yang dituakan/dihormati dalam keluarga.
	Hanyut tudung periuk	Hilang ketua keluarga, jatuh martabat orang yang dihormati dalam keluarga.
	Besar periuk	Keluarga besar; banyak sanak saudara atau boros; kuat makan.
Buruk	Al-Quran buruk	Barang amat berharga tetapi tidak dapat digunakan lagi, namun tetap dihormati dan disanjung.
	Kain buruk (Walaupun kain tersebut masih baru dan bersih)	Sesuatu yang dapat digunakan untuk kepentingan lain.
	Kain basahan (contoh, memakai kain buruk mandi).	Sesuatu yang dapat digunakan untuk kepentingan lain.

**Jadual 1** Makna perlambangan yang terdapat dalam masyarakat Melayu dahulu diubah suai oleh Tenas Affendy.

dituakan dalam keluarga yang “pandai menari” dalam erti kata seseorang yang bijaksana untuk mengatur langkah mengikut keadaan apabila memerlukan keputusan atau tindakan. Kata “mainan” yang ditampilkan untuk menunjukkan perkara yang disukai dan menjadi kesayangan atau merupakan pakaian sehari-hari. Oleh itu, “Mainan anak putera mahkota” merupakan lambang generasi pewaris yang menjadi kesayangan. “Kain (yang) buruk berikan kami” merupakan nasihat untuk membersihkan diri atau menjaga aib dan hidup bersederhana tidak berlebih-lebihan. Dalam konteks ini juga menjadi kebiasaan bagi orang Melayu menjemput ahli keluarga atau rakan taulan dengan menggunakan undangan seperti “Silalah ke pondok buruk kami” walaupun tinggal di rumah yang tersergam indah.

“Silalah singgah ke pondok kami”. Hal ini menunjukkan pondok sudah melambangkan keusangan. Hal ini juga merupakan pemilihan kata pada masa lampau bagi tujuan untuk merendah diri tetapi konsep ini mungkin berubah dengan pemikiran yang baharu kerana lebih banyak yang tinggal di pangsapuri atau rumah teres dan lain-lain yang amat berbeza daripada konsep “pondok”. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya ungkapan ini agak jarang-jarang digunakan.

Berkaitan dengan “air mata” pula, menjadi lambang bagi orang yang pengecut, perajuk dan tidak bertanggungjawab. Sikap sedemikian sepatutnya tidak menjadi ciri generasi pewaris bangsa. Oleh itu, dalam pantun tersebut dikiaskan supaya dihapuskan ciri yang tidak diingini.

Penulis ingin berkongsi pengalaman ketika seseorang yang dikenali menyapa sekumpulan anak-anak kecil dengan panggilan “nangoi-

nangoi”. Kata “nangoi” membawa erti berkerumun atau merayap dalam jumlah yang banyak seperti semut. Sekiranya dibuat rujukan tambahan terdapat juga peribahasa “menggeriak bagi anak nangoi” yang membawa erti orang yang beranak banyak tetapi malas mencari rezeki. Bagi pendengar yang menerima makna yang pertama tentunya tidak berasa apa-apa tetapi bagi yang menerimanya sebagai makna yang kedua, tentu akan tersinggung atau membuat tafsiran yang negatif. Namun demikian didapati di utara tanah air, khususnya di beberapa tempat di Kedah, “nangoi” bermakna anak-anak kecil yang masih berhingus dan tidak tahu apa-apa. “Terlajak perahu boleh ditarik balik, terlajak kata buruk padahnya”. Di sini kita diberikan nasihat dalam bentuk peribahasa. Oleh itu, harus diteliti dengan baik untuk “bila, di mana, dengan siapa dan bagaimana” menggunakan bahasa yang baik dan betul.

Oleh itu, kepersisan makna mampu dizahirkan melalui pemilihan kata. Namun demikian, kita juga sedia maklum bahawa sekadar pemilihan kata tanpa mengambil kira aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap dalam ruang budaya yang diperkatakan, keberkesanan berinteraksi dalam sebuah masyarakat yang penyayang dan bertamadun akan tinggal sebagai impian.

Marilah kita menggali nilai yang terdapat dalam khazanah lisan seperti pantun, syair, gurindam, seloka, peribahasa – pepatah petitih, bidalan, perumpamaan dan ibarat serta tamsil, serta memanfaatkan pandangan hidup dan falsafah manusia berbahasa Melayu yang menguasai dunia melalui wacana puisi dengan sebaik-baiknya. Sekiranya kita tidak meneliti kajian dan penulisan cerdik pandai dalam bidang puisi Melayu, kita bukan sahaja akan kehilangan nilai yang ingin disalurkan kepada generasi muda, malah akan membuat tafsiran secara yang mengelirukan. Jangan kerana “tak tahu menganyam, pandan disalahkan!” **PB**